

PM hargai bantuan Thailand

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Tan Sri Muhyiddin Yassin merakamkan penghargaan kepada Duta Besar Thailand ke Malaysia, Narong Sasitorn atas peranannya membantu mempermudah urusan membawa pulang 282 rakyat Malaysia yang terkandas di Thailand berikutan pandemik Covid-19.

Pada masa sama, Perdana Menteri berharap Thailand dapat membantu mempermudah proses kepulangan rakyat negara ini yang masih berada di

Wilayah Selatan negara itu yang sedang menunggu kelulusan untuk merentas sempadan.

Menurutnya, lebih 1,000 rakyat Malaysia sebelum ini yang terkandas di selatan negara itu dibantu merentasi pintu sempadan ke Malaysia oleh pihak berkuasa Thailand.

“Narong Sasitorn juga mengambil maklum langkah yang diambil Malaysia dalam membantu menghantar pulang kira-kira 17,000 rakyat Thailand di negara ini sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan.

“Saya memaklumkan yang Kerajaan Malaysia juga telah

membantu membawa pulang 110 warga Thailand di empat buah negara melalui penerbangan khas,” katanya dalam Facebook beliau semalam.

Perdana Menteri sebelum itu menerima kunjungan hormat Narong Sasitorn yang akan menamatkan perkhidmatannya hujung bulan ini.

Pada pertemuan itu, kedua-dua pihak berbincang mengenai usaha mengukuhkan lagi hubungan dua hala sedia ada dengan meneroka lebih banyak kerjasama dalam pelbagai bidang untuk manfaat bersama.

“Kami juga memperbaharui komitmen kerajaan kedua-

dua negara untuk terus mengadakan perbincangan berhubung pembinaan jambatan persahabatan iaitu Jambatan Tak Bai-Pengkalan Kubor dan Sungai Golok-Rantau Panjang yang menghubungkan Kelantan dengan Narathiwat selepas mesyuarat pertama Jawatankuasa Teknikal Bersama yang dijadual pada Mac lepas ditangguhkan akibat Covid-19.

“Saya turut menyatakan komitmen untuk terus menjalin hubungan baik dengan Thailand terutama ketika kedua-dua negara sedang menangani kesan daripada penularan wabak tersebut,” katanya.